

FAKTOR DAYA TAHAN PERNIAGAAN KOPERASI DI SARAWAK (Cooperative business resilience factors in Sarawak)

¹Hamizah Mohd Nadzir*, ²Yusman Yacob, ³Syarifah Rohaya Wan Idris,
⁴Nur Fatin Syazwani Ahmad, ⁵Dayang Adelina Abang Muan

^{1, 3, 4, 5} *Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak*
² *Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Mukah*

*Corresponding author: hamizah@ikma.edu.my

Received 30 March 2023; Revised 22 June 2023; Accepted 10 July 2023

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti faktor-faktor daya tahan perniagaan koperasi mikro di negeri Sarawak menggunakan kaedah kualitatif. Sebanyak 22 buah koperasi mikro yang berusia lebih lima tahun di seluruh negeri Sarawak melibatkan keseluruhan sembilan fungsi perniagaan telah dipilih sebagai peserta dalam kajian ini. Pemilihan sampel adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan dengan menggunakan instrumen temu bual melibatkan 22 responden. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik yang merangkumi tiga tahap pengekodan iaitu pengekodan terbuka, berpaksi dan terpilih. Melalui proses temu bual bersemuka yang telah dijalankan menggunakan soalan protokol yang dibangunkan oleh penyelidik serta penterjemahan data yang diperolehi, sebanyak tiga faktor daya tahan perniagaan dalam kalangan koperasi mikro di Sarawak telah dikenal pasti iaitu faktor pengurusan sumber, ciri-ciri berkoperasi, dan persekitaran perniagaan. Hasil dapatan kajian telah menyumbang kepada perkembangan teoretikal dan praktikal khususnya pembangunan koperasi mikro di Malaysia.

Kata kunci: *Daya tahan, faktor daya tahan, koperasi*

ABSTRACT

This study aims to identify the business resilience factors of micro cooperatives in the state of Sarawak using qualitative methods. Twenty-two (22) micro cooperatives that were over five years of establishment throughout the state of Sarawak involving nine (9) business functions have been selected as participants in this study. The sampling technique utilized a purposive sampling method and 22 respondents were interviewed. Data were analyzed using a thematic method which consists of open coding, axial coding and selective coding. Through face-to-face interview which has been conducted using interview protocol developed by the researcher as well as the transcription of the data obtained, there were three (3) business resilience factors among micro cooperatives in Sarawak have been identified, namely resource management factors, cooperative characteristics, and the business environment. The findings of the study has contributed to the development of theoretical and practical insights particularly on the micro cooperative development in Malaysia.

Keywords: *Resilience, business resilience factors, cooperatives*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Istilah daya tahan telah banyak digunakan dalam ekosistem, ekonomi dan kejuruteraan di mana ia memainkan peranan penting dalam mengekalkan pelarasan positif perniagaan dalam menghadapi keadaan mencabar (Ismail et al., 2011) baik dari sudut usahawan itu sendiri, organisasi mahupun ekosistem secara keseluruhan (Fiksel, 2006). Pada peringkat organisasi, daya tahan dilihat sebagai keupayaan perniagaan atau firma untuk bertahan dalam menghadapi perubahan besar dalam persekitaran perniagaan dan ekonomi baik dari sudut keupayaan untuk bertahan dari gangguan serta kejadian bencana yang merencatkan operasi perniagaan atau firma (Acquaah et al., 2011).

Secara umumnya, daya tahan perniagaan merupakan elemen penting yang perlu diterapkan dalam kalangan usahawan di negara ini dalam memastikan mereka berupaya mendepani segala rintangan dan risiko yang berlaku dalam perniagaan. Ini dijelaskan oleh Mohd Izwan (2020) yang berpendapat bahawa daya tahan adalah suatu bentuk tindak balas seseorang yang mengalami kesukaran untuk mendepani segala keadaan luar jangka dan cabaran mahupun halangan dalam kehidupannya dengan lebih bersedia, berwibawa serta bersemangat. Individu yang dapat bertahan semasa menerima tekanan dan krisis perlu memiliki tahap daya tahan yang tinggi. Oleh itu, daya tahan merupakan sesuatu yang baik dan perlu ada dalam diri individu di mana ia berupaya membantu seseorang individu tersebut untuk lebih bijak dalam mengendalikan situasi sukar dalam hidup dan perniagaannya.

Penyataan masalah

Secara amnya, sehingga 31 Disember 2019, daripada 1,077 buah koperasi berdaftar di negeri Sarawak, sebanyak 388 buah atau 36 peratus dikategorikan sebagai tidak aktif atau dorman (SKM, 2020). Sebaagian besar koperasi di Sarawak iaitu 97.1 peratus berada dalam kluster kecil dan mikro iaitu 87 buah dan 957 buah masing-masing (SKM, 2020). Pada tahun 2018, negeri Sarawak mencatatkan jumlah koperasi yang dibatalkan paling tinggi di Malaysia iaitu sebanyak 27 buah koperasi. Manakala, koperasi yang berusia 5-10 tahun pula mendominasi koperasi paling banyak dibatalkan iaitu sebanyak 42 buah koperasi di Malaysia (Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2018). Berikutan tahap ketidakpastian yang wujud dalam persekitaran semasa, daya tahan menjadi satu fokus utama dalam bidang pengurusan perniagaan sebagai konsep penting

bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian serta kejayaan sesebuah organisasi. Kajian-kajian lepas telah melihat pelbagai faktor yang menyumbang kepada daya tahan perniagaan misalnya faktor manusia, teknologi, proses, perkongsian dan sebagainya (Morisse & Prigge, 2017). Akan tetapi, masih kurang kajian untuk melihat faktor-faktor daya tahan perniagaan dalam konteks perniagaan koperasi yang dianggap unik dari sudut falsafah dan penubuhannya.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya objektif kajian adalah untuk mengkaji faktor daya tahan perniagaan koperasi dan temu bual faktor-faktor yang mempengaruhi daya tahan perniagaan koperasi di Sarawak.

Persoalan kajian

Penyelidikan ini akan menjawab soalan kajian berikut:

- i. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi daya tahan perniagaan koperasi di Sarawak?

Kepentingan kajian

Kepentingan kajian ini membantu menyediakan input-input penting kepada pihak-pihak berkepentingan dalam sektor koperasi seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi temu bual faktor-faktor berkaitan daya tahan perniagaan koperasi mikro di Sarawak bagi tujuan penambahbaikan polisi berkaitan pertumbuhan koperasi mikro dan pembangunan latihan serta bimbingan bagi tujuan pemerkasanaan pengurusan perniagaan koperasi. Selain itu, kajian ini juga menjadi rujukan kepada ahli akademik dan industri dalam usaha memperkayakan percambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Skop kajian

Kajian ini melibatkan semua koperasi dalam kluster mikro sebanyak 957 buah yang berusia melebihi lima tahun tanpa mengira saiz anggota, kedudukan geografi dan keutamaan aktiviti. Sebanyak 22 buah dipilih dan koperasi tersebut adalah koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sehingga Disember 2020 di negeri Sarawak.

SOROTAN KAJIAN

Objektif penubuhan koperasi adalah untuk menggalakkan sikap berjimat cermat, berdikari dan bekerjasama dalam kalangan mereka yang mempunyai keperluan bersama. Terdapat empat kluster koperasi yang diklasifikasikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iaitu kluster mikro, kecil, sederhana dan besar.

Gerakan koperasi di negeri Sarawak telah bermula sejak tahun 1949 lagi apabila Koperasi Memproses Sagu di Oya, Mukah menjadi koperasi pertama didaftarkan di bawah Ordinan Koperasi Sarawak 1949. Di Sarawak, daripada 1,077 buah koperasi yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 957 buah koperasi dikategorikan sebagai koperasi kluster mikro (SKM, 2020).

Kajian daya tahan perniagaan telah menjadi agenda dan perhatian para ilmuwan khususnya ahli akademik dan penggubal dasar sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Alberti et al., 2018) dan dengan itu tertakluk kepada perbahasan saintifik dan penggubalan dasar (Linnenluecke, 2017; Williams & Vorley, 2017). Ketahanan bersifat berterusan, berupaya menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam menghadapi pelbagai gangguan, dan meningkatkan keupayaan untuk berubah (Manfield & Newey, 2017).

Berdasarkan kajian-kajian lepas terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi daya tahan perniagaan seperti pengurusan sumber (kewangan, dan bukan kewangan), ciri-ciri berkoperasi (komitmen lembaga dan anggota, tahap kompetensi anggota, dan pemilihan perniagaan berasaskan keperluan anggota) dan persekitaran perniagaan (adaptasi perniagaan semasa, dan daya saing perniagaan).

Sumber modal kewangan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi daya tahan perniagaan. Sumber kewangan yang mencukupi dalam memulakan perniagaan merupakan salah satu faktor penting dalam memastikan perniagaan kekal berdaya tahan. Bantuan dari segi suntikan modal kewangan daripada pihak-pihak tertentu untuk sesebuah perniagaan juga dilihat perlu dalam memastikan modal kewangan mencukupi. Yaakub dan Adnan (2018) menyatakan bahawa bantuan kewangan ataupun bantuan modal dilihat mempengaruhi kejayaan usahawan sekaligus menjadikan perniagaan mereka kekal berdaya tahan.

Faktor bukan kewangan turut dikatakan sebagai faktor yang signifikan kepada kejayaan seseorang usahawan dalam memastikan perniagaan berdaya tahan. Syed et al. (2011) mendapati sokongan keluarga, hubungan sosial dan motivasi dalaman menyumbang kepada kejayaan usahawan wanita dalam perniagaan kecil. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad et al. (2016) yang menyatakan usahawan akan lebih bermotivasi dan terdorong untuk lebih maju apabila mendapat sokongan berterusan dan terlibat dalam pergaulan yang lebih luas.

Dalam memastikan kejayaan sesebuah koperasi, aspek utama adalah faktor komitmen melalui kepercayaan antara anggota koperasi dan tahap kesediaan anggota menyumbang modal ekuiti (Dejene & Regasa, 2015). Menurut Rajaratnam et al. (2010) bahawa penglibatan anggota haruslah dititikberatkan dari segi pelaksanaan dasar melalui mesyuarat agung koperasi. Koperasi bergantung kepada sokongan anggota untuk berjaya di mana tanpa sokongan anggota segala aktiviti perniagaan yang koperasi jalankan tidak akan berjaya (Rahimah, 2011).

Umum mengetahui bahawa kompetensi adalah segala yang diketahui atau dipelajari tentang sesuatu perkara di mana ia boleh membentuk anggota untuk bertindak efektif dan efisien. Kompetensi anggota dari sudut pengetahuan, kemahiran teknologi, penglibatan serta komitmen dalam pembangunan modal insan melalui kursus dan latihan merupakan faktor yang membawa kepada daya tahan perniagaan koperasi (Liu & Shadbolt, 2011). Pendidikan akan melahirkan anggota yang lebih teliti, bertanggungjawab dan produktif (Palmer, 2007). Justeru, dalam memastikan koperasi kekal berdaya tahan dalam perniagaan tahap kompetensi dalam kalangan anggota perlu diambil perhatian.

Pelanggan dan pasaran memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan sesuatu perniagaan yang dijalankan. Produk yang inovatif dan berasaskan keperluan pelanggan akan memberi nilai yang lebih kepada pelanggan (Chittithaworn et al., 2011). Daya tahan sesebuah perniagaan adalah melalui pemilihan sasaran pasaran di mana produk yang dihasilkan atau perkhidmatan yang ditawarkan mampu menembusi pasaran serta memenuhi keperluan pelanggan (Johnes et al., 2018).


Yusof dan Tahir (2021) mengatakan persekitaran perniagaan merangkumi institusi berkepentingan seperti keluarga, kerajaan dan pendidikan, pemilihan lokasi perniagaan yang strategik boleh mempengaruhi kejayaan perniagaan di Malaysia. Kuckert et al. (2020) menyatakan adaptasi terhadap norma baharu adalah sangat penting untuk terus menjalankan aktiviti perniagaan secara optimum. Kajian oleh Hidayat et al. (2021) mendapati daya tahan aktif perniagaan adalah dilihat daripada usahawan yang cuba meningkatkan keupayaan dan mengembangkan sistem dengan menggunakan teknologi agar selari dengan keperluan keadaan semasa dalam menguruskan perniagaan.

Kajian oleh Ayob, Daud dan Ismail (2016) mendapati daya saing adalah antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan prestasi perniagaan. Daya saing dilihat sebagai keupayaan syarikat dan entiti transnasional untuk menjana tahap pendapatan yang tinggi daripada faktor pengeluaran pada tahap kemampunan persekitaran persaingan semasa (Vida et al., 2009). Selain itu, menurut Porter (1985) daya saing adalah fungsi progresif yang dinamik, inovasi dan keupayaan untuk berubah dan menjadi lebih baik.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan adalah satu proses yang menuntut perancangan, komitmen serta kegigihan pelbagai pihak. Penyelidikan bersifat menyeluruh di mana ia merujuk kepada tugas yang perlu diurus, dilayari dan dirunding dari peringkat awal sehingga akhir. Penulisan ini membincangkan aspek reka bentuk penyelidikan, strategi pengumpulan data, pemilihan sampel dan kaedah temu bual, analisis tematik serta pengesahan data.

Reka bentuk kajian



Rajah 1: Reka bentuk kajian

Saiz populasi dan unit analisis kajian

Persampelan hanya merujuk kepada 'orang' sebagai sumber data dan persampelan adalah informan terpilih. Menurut Guest, Bust & Johnson (2006), bilangan peserta kajian dalam lingkungan 6-12 orang peserta adalah memadai dalam sesebuah kajian kualitatif. Bagi penyelidikan ini, sumber dari populasi yang dipilih oleh penyelidik digunakan bagi penerangan terperinci kepada unit analisis dan peserta kajian.


Kaedah pengumpulan data

Data sekunder mengenai koperasi mikro diambil terlebih dahulu daripada pihak SKM. Data primer pula dikutip daripada sampel populasi yang telah ditentukan. Data ini dikumpul secara temu bual bersemuka menggunakan soalan protokol yang telah dibangunkan. Pengumpulan data merangkumi 22 temu bual bersemuka secara fizikal bersama peserta kajian. Temu bual bersemuka dijalankan bersama koperasi mikro di tiga buah zon meliputi zon utara (Miri, Limbang, Bintulu), zon tengah (Mukah, Sibul, Sarikei) dan zon selatan (Betong, Sri Aman, Kuching).

Pemilihan koperasi mikro sebagai sampel kajian adalah berdasarkan ciri yang telah ditetapkan oleh penyelidik melibatkan keseluruhan sembilan fungsi utama koperasi dan tahun penubuhan koperasi melebihi lima tahun. Wakil koperasi yang ditemu bual terdiri daripada ALK, pengurus atau kakitangan yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan koperasi. Temu bual direkodkan dan ditulis bagi menyokong dapatan kajian. Setiap temu bual diterjemah di dalam transkrip.

Kaedah menganalisis data

Analisis data kualitatif merujuk kepada satu proses yang berstruktur dan bersistematik bertujuan mengurus data temu bual dan dokumen yang diperolehi untuk mendapatkan makna dan pengetahuan setiap maklumat yang diperolehi. Terdapat tiga tahap yang terlibat dalam proses pengkodan data iaitu pengkodan terbuka (*open coding*), pengkodan berpaksi (*axial coding*) dan pengkodan terpilih (*selective coding*) sebelum proses penganalisan dibuat.



Rajah 2: Carta alir pengumpulan dan penganalisan data

Pengesahan data

Pengesahan data adalah penting bagi memastikan data yang dikutip mempunyai kesahan dalaman yang boleh dipercayai. Beberapa strategi yang lazim digunakan untuk pengesahan data seperti triangulasi data, pemeriksaan oleh peserta penyelidikan, pemerhatian berulang di tapak kajian, penyertaan peserta penyelidikan secara berterusan serta penjelasan kecenderungan penyelidikan (Creswell, 2014).

Aspek metodologi disahkan melalui pemilihan informan dan koperasi terlibat. Semakan terhadap rekod agensi dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dibuat bagi memastikan koperasi tersebut wujud secara rasmi. Penggunaan pelbagai strategi dalam pengumpulan data adalah untuk memastikan kredibiliti data yang diperolehi terjamin. Seterusnya pengesahan data disemak secara berterusan melalui dapatan data daripada informan yang berbeza sepanjang proses pengumpulan data (sesi temu bual).

PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang dirungkai merangkumi profil demografi koperasi dan faktor daya tahan perniagaan koperasi di Sarawak. Terdapat 22 buah koperasi mikro di Sarawak yang menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh penyelidik telah ditemui bual di dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan aktiviti utama perniagaan koperasi mikro yang terpilih di Sarawak.

Jadual 1: Profil demografi koperasi

Lokasi	No. Koperasi	Aktiviti Perniagaan
Limbang	1	Perindustrian
	2	Pengguna
Miri	3	Pertanian
	4	Perkhidmatan
	5	Pengguna
	6	Perkhidmatan
Bintulu	7	Perkhidmatan
	8	Pertanian
Sarikei	9	Perkhidmatan
Mukah	10	Pertanian
	11	Pertanian
Sibu	12	Pengguna
	13	Pertanian
	14	Pengguna
	15	Pengguna
	16	Pengguna
Betong	17	Pertanian

	18	Perindustrian
Sri Aman	19	Pengguna
	20	Pengguna
	21	Pengguna
Kuching	21	Pengguna
	22	Kredit

Kajian ini mendapati pengurusan sumber, ciri-ciri berkoperasi dan persekitaran perniagaan sebagai faktor daya tahan perniagaan koperasi di Sarawak. Faktor pengurusan sumber terbahagi kepada dua dimensi iaitu kewangan dan bukan kewangan. Dalam memastikan kelangsungan dan kelancaran operasi perniagaan koperasi, sumber kewangan yang mencukupi sangat diperlukan. Sumber kewangan yang mencukupi juga menjadi kayu pengukur kepada kebolehpayaan perniagaan koperasi untuk terus kekal berdaya tahan. Kenyataan ini selari dengan kenyataan peserta kajian yang menyatakan, *“Satu lagi faktornya mungkin faktor kewanganlah. Apa-apa kita nak mula memang perlu duit. If you don't have any money don't talk”*, (Koperasi R4, 2021); *“Kita perlu sokongan modal lah. Dana”*, (Koperasi R1, 2021)

Keperluan koperasi tidak tertakluk kepada sumber kewangan semata-mata bahkan sumber bukan kewangan juga turut menyumbang kepada daya tahan perniagaan koperasi. Kenyataan ini disokong oleh peserta kajian di mana mereka menyatakan, *“Dalam tahun 2014 kalau tak silap saya. Dan juga ada bantuan dari pihak pertanian seperti peralatan untuk membuat mee kuning”*, (Koperasi R1, 2021); *“And then datang pegawai ANGKASA, ANGKASA came in with one set of this (Set Hidroponik)”*, (Koperasi R6, 2021); *“Kita ada jabatan FELCRA yang ada beri sikit kontrak macam perparitan ataupun buat rumah macam tu lah. Itu kita dapat sustain dari segi bisnes”*, (Koperasi R6, 2021).

Faktor dari segi ciri-ciri berkoperasi pula mempunyai tiga dimensi utama iaitu komitmen lembaga dan anggota, tahap kompetensi anggota serta pemilihan perniagaan berasaskan keperluan anggota. Kajian ini mendapati bahawa memahami konsep berkoperasi akan mewujudkan aspek komitmen yang jitu dan sokongan yang padu dalam kalangan pengurus, anggota lembaga koperasi (ALK) dan anggotanya untuk memastikan pengurusan dan aktiviti perniagaan koperasi berjaya. Oleh yang demikian, keterlibatan mereka melalui komitmen dan sokongan dalam koperasi ternyata mempengaruhi daya tahan perniagaan koperasi. Peserta kajian ini menyatakan, *“Saya fikir paling yang menyebabkan koperasi ini boleh bertahan memang sokongan dari ahli dia. Kerjasama dengan lembaga lah”*, (Koperasi R3, 2021); *“Anggota banyak throw-in idea lah. ALK akan pick up, debate benda tu”*, (Koperasi R6, 2021); *“Actually come from anggota dan ALK jugalah. Selagi ada kerjasama untuk achieve walaupun masing-masing sibuk, still berjaya”*, (Koperasi R6, 2021).

Tahap kompetensi anggota diukur melalui ciri-ciri seperti berilmu pengetahuan dan berkemahiran, mempunyai sikap yang positif, mempunyai pemikiran inovatif dan kreatif serta berwawasan. Kenyataan ini selari dengan kenyataan daripada peserta kajian yang menyatakan, *“Ilmu nya. Pengetahuan. Kalau dapat sekiranya member koperasi more educatedlah”*, (Koperasi R11, 2021); *“Satu, ilmu pengetahuan. Pengetahuan tu lebih penting. Itulah kunci segala-galanya”*. *“Kedua, daya tahan. Daya tahan kita sendiri. Kekuatan dalaman, mental kita”*, (Koperasi R19, 2021).

Dalam perniagaan, aspek pemilihan pelanggan dan pasaran adalah aspek yang perlu dititikberatkan dalam memastikan kejayaan sesebuah perniagaan yang dijalankan. Memenuhi keperluan pelanggan akan menjamin kebolehpasaran produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Kenyataan ini selari

dengan kenyataan yang dinyatakan oleh peserta kajian iaitu, *“Bagi saya, koperasi kecil ataupun besar perlu ada satu bisnes yang lebih kepada bisnes yang boleh memanfaatkan orang ramai”*, (Koperasi R7, 2021).

Perniagaan koperasi di Sarawak berdaya tahan dengan mengambil kira faktor persekitaran perniagaan yang meliputi adaptasi perniagaan semasa dan mampu berdaya saing di dalam perniagaan yang dijalankan. Koperasi yang berkebolehan untuk mengadaptasi perniagaan mengikut perubahan semasa seperti berlakunya pandemik Covid-19 dengan membuat pertukaran strategi mampu berdaya tahan bagi meneruskan perniagaan yang dijalankan. Pertukaran strategi seperti mengadaptasi perniagaan secara dalam talian merupakan antara yang dilakukan oleh koperasi mikro di Sarawak untuk kekal bertahan dari segi memperoleh pulangan jualan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Kenyataan ini selari dengan kenyataan yang dinyatakan oleh peserta kajian iaitu, *“Yang bertahan is more to yang online pun nature”*, (Koperasi R6, 2021); *“Penting tu, sustain tu bila kita tukar strategi”*, (Koperasi R6, 2021); *“Macam tahun lepas, sepanjang bulan 3 sampai bulan 6 kan kami di limit 2 hari seminggu sahaja turun. Jadi itu sahaja tempoh kami turun kerja. Just jual tu saya bagitahu tadi, jualan secara online”*, (Koperasi R20, 2021).

Selain itu, koperasi mampu berdaya saing di dalam perniagaan dengan adanya peluang perniagaan tersedia, pelanggan tetap dan berpeluang mempromosikan produk melalui pameran. Koperasi berdaya tahan oleh kerana faktor-faktor tersebut seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian iaitu, *“Kebetulan ada satu peluang menyewa kedai. Sudah itu menyewa di atas nama koperasi dan koperasi menyewa kepada orang persendirian. Itu yang sumber yang ada sekarang ini lah”*, (Koperasi R2, 2021). *“Kita ada jabatan FELCRA yang ada beri sikit kontrak macam perparitan ataupun buat rumah macam tu lah. Itu kita dapat sustain dari segi bisnes”*, (Koperasi R10, 2021). *“Mostly saya di sini ada customer tetap. Sekarang pun dah ramai customer baru datang sini juga”*. (Koperasi R20, 2021). *“Peringkat awal kami ada macam kek lapis ni kami ada undangan ke Bukit Jalil itu hari dalam (tahun) 2014 mungkin. Kami ada pameran kek lapis dekat Bukit Jalil dan juga mi kuning”*, (Koperasi R1, 2021).

Berdasarkan dapatan terhadap tiga sub-tema yang dikenal pasti membentuk tema mekanisme penentuan faktor daya tahan, dapat dirumuskan bahawa petunjuk pengurusan sumber dan ciri-ciri berkoperasi serta persekitaran perniagaan menjadi aspek utama dalam menentukan daya tahan perniagaan koperasi.

Jadual 2: Data bilangan tema faktor daya tahan perniagaan koperasi

Faktor daya tahan perniagaan koperasi	Zon Utara	Zon Tengah	Zon Selatan	Jumlah
Pengurusan sumber	5	4	3	12
Ciri-ciri berkoperasi	8	1	2	11
Persekitaran perniagaan	4	2	2	8

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan kajian secara umumnya dibincangkan mengikut profil demografi koperasi dan faktor-faktor daya tahan perniagaan koperasi. Faktor-faktor daya tahan perniagaan yang telah dikenalpasti ini membolehkan koperasi mikro khususnya di Sarawak untuk mengetahui elemen

penting yang menentukan ketahanan perniagaan yang dijalankan serta memastikan kelangsungan koperasi dalam menyumbang kepada pencapaian matlamat ekonomi dan kesejahteraan anggota. Daripada kesimpulan penemuan kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan untuk pengembangan ilmu dan keperluan industri. Cadangan ini dapat membantu pihak yang berkenaan untuk melihat tindakan yang sewajarnya pada masa akan datang bagi memastikan koperasi berdaya tahan di dalam perniagaan yang dilaksanakan.

Koperasi dapat memastikan perniagaan terus berdaya tahan dengan mengambil kira beberapa perkara berikut:

- i. Merangka hala tuju dan pelan perancangan strategik koperasi.
- ii. Mempertingkatkan amalan tadbir urus yang baik dalam koperasi.
- iii. Membudayakan pendidikan berterusan dalam kalangan pengurusan dan anggota koperasi.
- iv. Kompetensi perniagaan dalam pengurusan koperasi.

Kebergantungan kepada kerajaan dilihat sebagai satu cabaran utama dalam usaha kerajaan menjadikan koperasi berupaya menyumbang kepada pendapatan negara. Berikut merupakan inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi meningkatkan pertumbuhan koperasi mikro di Sarawak:

- i. Mengutamakan kemudahan pembiayaan dan bantuan perniagaan untuk koperasi mikro berpotensi untuk ditingkatkan (up-scale) prestasi.
- ii. Menyediakan insentif dan geran perniagaan.
- iii. Memberi bimbingan untuk meningkatkan daya tahan serta pertumbuhan perniagaan koperasi.

IKMa turut memainkan peranan memastikan koperasi berdaya tahan dengan memperkukuhkan latihan dan pendidikan koperasi dalam kalangan koperasi mikro.

CADANGAN KAJIAN MASA DEPAN

Bagi menggalakkan perkembangan ilmu, kajian selanjutnya boleh menggunakan semula kerangka konseptual faktor daya tahan perniagaan, untuk penyelidikan di kluster koperasi yang lain sama ada kluster kecil, sederhana dan besar. Ini juga tidak terhad untuk penyelidikan di Malaysia tetapi di negara lain yang mana boleh dijalankan secara khusus atau secara perbandingan negara. Ini bertujuan untuk menilai sejauhmana kerangka konseptual yang telah dibangunkan dalam kajian ini boleh dikembangkan mengikut keperluan semasa serta mampu melihat fenomena ini dengan lebih komprehensif agar satu ekosistem daya tahan perniagaan koperasi dapat dihasilkan.

Kajian lanjut juga boleh menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menguji pembolehubah faktor daya tahan perniagaan koperasi signifikan yang menyumbang kepada daya saing serta prestasi pertumbuhan koperasi mikro di Sarawak. Melalui dapatan ini juga, pengkaji boleh menilai faktor kritikal penting yang harus diberikan perhatian oleh koperasi mahupun pengamal industri untuk terus kekal relevan dan kompetitif dalam mendepani perubahan persekitaran. Kajian masa depan juga boleh dilaksanakan untuk temu bual perhubungan di antara pembolehubah faktor daya tahan perniagaan, profil demografi koperasi dan prestasi koperasi.

RUJUKAN

- Acquaah, M., Amoako-Gyampah, K., & Jayaram, J. (2011). Resilience in family and nonfamily firms: an examination of the relationships between manufacturing strategy, competitive strategy and firm performance. *International Journal of Production Research*, 49(18), 5527-5544.
- Alberti, F. G., Ferrario, S., & Pizzurno, E. (2018). Resilience: Resources and strategies of SMEs in a new theoretical framework. *International journal of learning and intellectual capital*, 15(2), 165-188.
- Ayob, N. A., Daud, S., & Ismail, M. T. (2016). Modal insan, daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia: Analisis kualitatif usahawan wanita bumiputera di Melaka. *Geografia*, 12(10).
- Chittithaworn, C., Islam, M. A., Keawchana, T., & Yusuf, D. H. M. (2011). Factors affecting business success of small & medium enterprises (SMEs) In Thailand. *Asian Social Science*, 7(5), 180–190.
- Creswell, J.W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Sage Publications, Inc.
- Dejene, E., & Regasa, D. G. (2015). Factors affecting success of agricultural marketing cooperatives. *International Journal of Cooperative Studies*, 4(1), 9–17.
- Fiksel, J. (2006). Sustainability and resilience: toward a systems approach. *Sustainability: Science, Practice and Policy*, 2(2), 14-21.
- Garnevskaja, E., Liu, G., & Shadbolt, N. M. (2011). Factors for successful development of farmer cooperatives in Northwest China. *International Food and Agribusiness Management Review*, 14(1030-2016–82904), 69–84.
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field methods*, 18(1), 59-82.
- Hidayat, M., LATIEF, F., WIDIAWATI, A., ASBARA, N. W., & ZAENI, N. (2021). Factors supporting business and its distribution to business resilience in new normal era. *Journal of Distribution Science*, 19(11), 5-15.
- Ismail, H. S., Poolton, J. & Sharifi, H. (2011). The role of agile strategic capabilities in achieving resilience in manufacturing-based small companies. *International Journal of Production*, Taylor & Francis Group. pp 5469 -5487.
- Johnes, J., Abidin, N. F. Z., Mapjabil, J., Haron, N. I. N., Taba, S. H., & Alexander, C. C. (2018). Faktor penentu kejayaan usahawan kuih tradisional di daerah Papar, Sabah (Determinant factors for the success of traditional cookies entrepreneurs in Papar district, Sabah). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1).
- Kuckertz, A., Brändle, L., Gaudig, A., Hinderer, S., Reyes, C. A. M., Prochotta, A., ... & Berger, E. S. (2020). Startups in times of crisis—A rapid response to the COVID-19 pandemic. *Journal of Business Venturing Insights*, 13, e00169.

- Linnenluecke, M. K. (2017). Resilience in business and management research: A review of influential publications and a research agenda. *International Journal of Management Reviews*, 19(1), 4-30.
- Manfield, R. C., & Newey, L. R. (2017). Resilience as an entrepreneurial capability: Integrating insights from a cross-disciplinary comparison. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*.
- Mohd Izwan Mahmud. (2020). Mengurus kebimbangan, sokongan dan resilien pelajar universiti dalam tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). *Pusat Pembangunan Karier (UKM-Karier)*, UKM Bangi.
- Morisse, M., & Prigge, C. (2017). Design of a business resilience model for Industry 4.0 manufacturers.
- Muhammad, N., & Abu, M. H. (2016). Faktor yang mendorong kejayaan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) MARA di daerah Melaka Tengah. *Journal of Business Innovation*, 1(2), 31.
- Palmer, P.J. dan Scribner, M. (2007). *The courage to teach guide for reflection and renewal*. 10th ed. San Francisco: John Wiley and Sons, Inc.
- Porter, M. E. (1985), *Competitive advantage: Creating and sustaining superior performance*, *The Free Press*, New York.
- Rahimah Abd Samad. (2011). Dimensi Koop terbitan Maktab Koperasi Malaysia Bil. 1, 2011. ms 24-31.
- Rajaratnam, S. D., Noordin, N., Said, M. S. A., Juhan, R., & Hanif, F. M. (2010). Success factors of co-operatives in Malaysia: An exploratory investigation. *Malaysian Journal of Co-Operative Studies*, 6, 1-17.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2010). *Dasar Koperasi Negara 2011-2020*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2016). *Buku Kajian Semula Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020). *Definisi Koperasi*. Dipetik daripada <https://www.skm.gov.my/index.php/my/hubungi-kami/soalan-lazim>.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020). *Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2018*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020). *Statistik Perangkaan Gerakan Koperasi Tahun 2016-2020*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2021). *Perangkaan Koperasi Malaysia 2020*.
- Syed S. A, Mohd Fauzi M. J., Nor Asiah O. (2011) An Empirical study of success factors of women entrepreneurs in southern region in Malaysia. *International Journal of economics and Finance*, 3.

- Vida, M., Kadar, G., Kadarova, J. (2009). Analysis of competitiveness factors of Slovak companies”, *Transfer of innovations*, 13, 133-136.
- Williams, N., & Vorley, T. (Eds.). (2017). *Creating resilient economies: Entrepreneurship, growth and development in uncertain times*. Edward Elgar Publishing.
- Yaakub, Z., & Adnan, N. I. M. (2018). Faktor-faktor kejayaan usahawan ikon Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Success factors of Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) icon entrepreneur. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 1(1), 82-93.
- Yusof, M. Z. M., & Tahir, Z. (2021). Faktor kejayaan usahawan muda dalam perniagaan industri kecil dan sederhana (EKS) di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-13.

